

23/03/2003

`Perlu sokong usul bantah perang'

KUANTAN: Umno mahu semua pihak, termasuk pembangkang khususnya DAP dan Pas akan bersama-sama membincangkan usul tergepar bagi membantah perang Amerika Syarikat (AS) ke atas Iraq yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat tidak lama lagi.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata perbincangan bersama tanpa mengira fahaman politik, bangsa dan agama terhadap usul tergepar itu, adalah atas dasar kemanusiaan.

Katanya, keputusan bagi membentangkan usul tergepar itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dalam mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Kuala Lumpur, semalam.

"Saya harap semua rakyat negara ini dapat menyokong penuh usul tergepar yang akan dibentangkan itu atas dasar kemanusiaan, demi menentang peperangan yang dilakukan AS terhadap Iraq," katanya.